

KUALA LUMPUR 24 JUN (BERNAMA) - PENERUSI PERTUBOHAN PERPADUAN RAAYAT AFRO-ASIA, MALAYSIA, DR. MAHATHIR BIN MOHAMMAD BERKATA ADA KEMUNGKINAN PERTUBOHAN-NYA MENERIMA UNDANGAN UNTUK MELAWAT SOVIET RUSSIA SEKIRA-NYA IA DI-LULUSKAN OLEH KERAJAAN.

KELMARIN DR. MAHATHIR TELAH MENERIMA SA-PUCHOK KAWAT DARI SETIAUSAHA AGONG PERTUBOHAN PERPADUAN RAAYAT AFRO-ASIA, SOVIET RUSSIA, TUAN ALEXANDER DZASAKHOV MENGUNDANG PERWAKILAN MALAYSIA UNTUK MELAWAT NEGERI ITU DALAM BULAN SEPTEMBER ATAU OKTOBER ATAU PUN PADA BILA2 MASA SAHAJA.

DR. MAHATHIR MEMBERITAHU BERNAMA BAHAWA PERTUBOHAN-NYA MUNGKIN MENGHANTAR DUA ATAU PUN TIGA ORANG WAKIL UNTUK MELAWAT NEGERI ITU AKAN TETAPI IA-NYA BERGANTONG KAPADA KEBENARAN KERAJAAN. -
BERNAMA 1634